

Perbandingan Sastera Rakyat Malaysia dan Indonesia: Penelitian Terhadap Struktur Cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* Dengan *Bawang dan Kesuna*

Faezah Muhayat

Dewan Bahasa dan Pustaka
faezah@dbp.gov.my

ABSTRAK

Sastera rakyat merupakan bentuk kesusasteraan yang lahir dalam semua kebudayaan manusia. Sebagai sastera yang tersebar secara lisan, sastera rakyat banyak mengalami perubahan dan tokoh tambah serta penyesuaian mengikut latar budaya dan masyarakat setempat. Begitu juga dengan cerita Bawang Putih Bawang Merah yang mempunyai pelbagai versi di seluruh Nusantara. Perbincangan dalam kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti struktur cerita *Bawang Putih Bawang Merah* yang diceritakan semula oleh Rubaidin Siwar dalam versi di Malaysia dan cerita *Bawang dan Kesuna* yang disusun penceritaannya oleh Made Taro dalam versi di Bali, Indonesia. Seterusnya kajian ini akan merumuskan persamaan dan perbezaan struktur cerita Bawang Putih Bawang Merah dalam kedua-dua versi. Dari segi metodologi, kajian ini berorientasikan kajian kepustakaan yang berteraskan kaedah kualitatif. Data kajian melibatkan kisah Bawang Putih Bawang Merah dalam kedua-dua versi akan diteliti menggunakan pendekatan struktural sebagai kerangka analisis. Hasil kajian menunjukkan terdapat persamaan yang jelas dari segi tema, persoalan, plot dan latar masyarakat dalam kedua-dua cerita. Sungguhpun demikian, terdapat juga perbezaan yang ketara daripada aspek yang lain, misalnya dari segi watak dan perwatakan, latar tempat dan latar masa. Memandangkan kedua-dua cerita merupakan sastera rakyat yang disampaikan dari satu generasi ke satu generasi, maka tidak hairanlah terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara kedua-dua versi yang terdapat di Malaysia dan Indonesia. Namun, apa yang nyata kedua-dua cerita ini merupakan cerminan kehidupan masyarakat setempat dan mengandungi pelbagai unsur didaktik yang boleh dijadikan pengajaran.

Kata kunci: Sastera rakyat, Bawang Putih Bawang Merah, Bawang dan Kesuna, Malaysia, Indonesia

Karya-karya sastera Melayu dan Nusantara dicipta, digubah dan dikarang atau ditulis oleh “yang empunya cerita”, penglipur lara, pujangga, dalang, pengarang, penulis dan sasterawan. Semua gelaran untuk pencipta/penggubah karya sastera ini menunjukkan juga kerencaman bentuk sastera dan manusia yang menciptanya.

(Muhammad Haji Salleh, 2000:32)

PENGENALAN

Sastera rakyat ialah hasil sastera Melayu lama yang disampaikan secara lisan dan disebarkan dari satu generasi ke satu generasi. Hasil sastera ini menjadi milik bersama masyarakat Melayu tradisional. Lantaran itulah sastera rakyat tidak diketahui nama pengarang atau penulisnya, malah tidak juga diketahui tarikh penciptaannya. Masyarakat yang menghasilkan sastera rakyat ini masih bersifat tertutup, ketinggalan dari segi teknologi, mengamalkan sistem sosial yang terikat, masih statik dan tidak banyak berhubung dengan masyarakat lain serta masih berpegang teguh kepada budaya yang bersifat tradisional.

Sebagai sastera yang tersebar secara lisan, sastera rakyat banyak mengalami perubahan dan tokoh tambah serta penyesuaiannya mengikut masyarakat penuturnya. Tokoh tambah dan penyesuaian ini dilakukan bagi menyesuaikan cerita tersebut dengan situasi setempat. Perubahan masa dan zaman telah membawa perubahan kepada corak penyebarannya secara lisan. Pada masa kini, hasil-hasil sastera lisan telah dibukukan, iaitu ditulis dan diceritakan semula oleh individu tertentu. Meskipun karya-karya sastera lisan telah menerima perubahan kepada bentuk bertulis, namun tradisi lisan masih tetap hidup dan ciri-ciri kelisanannya masih dikekalkan. Begitu juga dengan nilai dan falsafah yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat ini, masih tetap utuh dan dipertahankan untuk dijadikan panduan dan teladan kepada masyarakat dalam menjalani kehidupan seharian.

Antara cerita rakyat yang terkenal dan masih diminati oleh masyarakat Melayu pada masa kini ialah cerita Bawang Putih dan Bawang Merah. Cerita ini bukan sahaja akrab dalam kalangan masyarakat di Malaysia, malah turut tersebar ke seluruh Nusantara termasuk di Indonesia. Indonesia yang merupakan negara terluas di Asia Tenggara memiliki ribuan cerita rakyat dalam setiap provinsinya. Menurut Murti Bunanta (1998) yang pernah melakukan penelitian mendalam mengenai cerita berkenaan Bawang Putih dan Bawang Merah, beliau mengatakan bahawa terdapat 29 versi dongeng cerita tersebut di Indonesia. Dua versi antaranya terdapat di Bali, yang disebut versi "Nenek Raksasa" (ditulis oleh I Gusti Putu Gede Dendi dan I Gusti Ngurah Bagus) dan versi "Cerukcuk Kuning" (ditulis oleh Made Taro). Kepelbagaian versi yang terdapat dalam cerita Bawang Putih dan Bawang Merah ini telah membuka ruang penyelidikan kajian secara perbandingan terhadap struktur cerita rakyat antara kedua-dua negara.

Dalam konteks cerita rakyat Bawang Putih Bawang Merah, sehingga kini sudah ada sejumlah penulisan akademik yang telah dilakukan oleh penulis terdahulu mengenai cerita Bawang Putih dan Bawang Merah. Penulisan akademik tersebut terdapat dalam jurnal dan penulisan ilmiah. Antara penulisan jurnal yang membicarakan tentang cerita Bawang Putih dan Bawang Merah dapat dilihat dalam penulisan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Hashim Awang, Madiawati Mamat @ Mustaffa dan Nur Hamizah Hashim pada tahun 2014 yang bertajuk "From Text to Animation: Adaptation of *Bawang Putih Bawang Merah*." Penulisan ini menganalisis teks *Bawang Putih dan Bawang Merah* yang diadaptasi ke dalam bentuk animasi untuk melihat pengubahsuaian yang dibuat apabila karya tersebut ditukar kepada bentuk animasi dan meneliti nilai-nilai sastera yang diadaptasi ke dalam bentuk multimedia. Dalam membincangkan penyesuaiannya, teks cerita *Bawang Putih Bawang Merah* yang diceritakan semula oleh Rubaidin Siwar (2002), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dan filem animasi *Putih* (2001) terbitan Fine Animation Sdn. Bhd. dipilih sebagai bahan analisis. Dengan menggunakan empat peringkat proses penyesuaian adaptasi seperti yang digagaskan oleh A. Engelstad (2009) menemukan dapatan bahawa proses adaptasi yang terlibat dalam menukarkan teks *Bawang Putih Bawang Merah* ke dalam bentuk multimedia masih mengekalkan unsur sastera melalui penggunaan pelbagai teknik bercerita untuk menghasilkan sebuah filem animasi yang menarik. Meskipun *Bawang Putih dan Bawang Merah* merupakan kisah tradisional Melayu, namun ceritanya diadaptasi dengan pelbagai elemen menarik yang disesuaikan dengan keperluan generasi masa kini.

Penulisan akademik selanjutnya ialah penulisan tesis sarjana oleh Noviana Laily (2015) yang bertajuk "Perbandingan Perwatakan dan Nilai-nilai Moral dalam Dongeng *Frau Holle* dan *Bawang Merah Bawang Putih*." Kajian ini meneliti persamaan dan perbezaan perwatakan dalam cerita *Frau Holle* dan *Bawang Merah Bawang Putih* serta menganalisis nilai-nilai moral yang terkandung dalam kedua-dua cerita menggunakan pendekatan sastera bandingan. Hasil analisis menunjukkan bahawa wujud perbezaan setiap perwatakan dalam kedua-dua cerita tersebut. Berdasarkan kedua-dua cerita dongeng tersebut, didapati bahawa tidak terdapat perkaitan moraliti manusia dengan alam atau bentuk penyampaian moral yang disampaikan secara langsung mahupun tidak langsung.

Selanjutnya ialah penulisan akademik oleh Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin, Mohd. Affiq Affandy Azlizan dan Muhd. Norizam Jamian (2021) bertajuk “Cerita *Bawang Putih Bawang Merah* Versi Malaysia dan Indonesia: Perbandingan Latar Budaya.” Penelitian ini bertujuan menganalisis latar budaya dalam cerita *Bawang Putih Bawang Merah* versi Malaysia dan Indonesia berdasarkan konsep kebudayaan oleh Koentjaraningrat (2000). Analisis dilakukan dengan memfokuskan tiga unsur kebudayaan iaitu bahasa, agama dan kepercayaan, dan ekonomi. Hasil analisis membuktikan bahawa cerita rakyat turut mencerminkan latar budaya sesebuah masyarakat. Cerita *Bawang Putih Bawang Merah* memperlihatkan masyarakat Melayu di Malaysia dan Indonesia memiliki unsur kebudayaan yang tersendiri dan istimewa. Sebagai bangsa serumpun, terdapat juga persamaan budaya yang boleh dikongsi bersama dan perbezaan yang mengangkat keunikan jati diri masing-masing.

Berdasarkan sorotan penulisan-penulisan lepas, didapati bahawa penelitian terhadap cerita rakyat *Bawang Putih dan Bawang Merah* telah dilakukan daripada beberapa aspek termasuk terjemahan daripada teks ke medium animasi. Walaupun kajian secara perbandingan teks cerita rakyat *Bawang Putih dan Bawang Merah* dengan teks lain melibatkan dua buah negara telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu, namun skop analisis kajian tersebut hanya tertumpu kepada aspek watak dan nilai moral serta latar budaya yang terdapat dalam cerita. Oleh yang demikian, penulisan ini akan meneliti secara terperinci aspek struktural cerita rakyat *Bawang Putih dan Bawang Merah* di Malaysia dan cerita *Bawang dan Kesuna* versi di Bali, Indonesia.

OBJEKTIF DAN BATASAN KAJIAN

Sebagaimana yang telah dijelaskan pada awal penulisan makalah ini, antara ciri sastera rakyat ialah penyebarannya dilakukan secara lisan dari satu generasi ke satu generasi. Justeru, tidak hairanlah jika cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* mempunyai pelbagai versi yang disesuaikan mengikut situasi masyarakat setempat. Cerita yang lebih kurang sama terdapat juga di Indonesia meskipun menggunakan tajuk yang lain, tetapi jalan ceritanya tidak jauh berbeza dengan versi yang terdapat di Malaysia. Baik di Malaysia mahupun di Indonesia, cerita ini mengisahkan kehidupan seorang gadis yang menjadi mangsa kekejaman dan kezaliman keluarganya. Sungguhpun demikian, terdapat juga beberapa perbezaan cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* versi Malaysia dan Indonesia yang sangat menarik untuk diteliti dan dibuat perbandingan.

Bertolak daripada perbezaan pelbagai versi cerita rakyat *Bawang Putih dan Bawang Merah* ini, tujuan penelitian ini adalah untuk mengetahui struktur cerita kedua-dua versi dan membuat perbandingan intrinsik antara kedua-dua karya dengan menggunakan pendekatan struktural. Melalui kaedah ini, kajian akan memberi tumpuan ke atas pola persamaan dan perbezaan, serta menjawab persoalan mengapa dan sejauh mana tema yang sama dapat dibuktikan wujud dalam karya yang berbeza dan di tempat-tempat yang amat berjauhan. Seterusnya kajian ini akan merumuskan persamaan dan perbezaan struktur cerita *Bawang Putih Bawang Merah* dalam kedua-dua versi. Untuk tujuan tersebut, cerita *Bawang Putih dan Bawang Putih* versi Malaysia yang akan diteliti ialah buku *Bawang Putih dan Bawang Merah* yang disusun semula penceritaannya oleh Rubaidin Siwar terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1980. Buku ini telah dicetak ulang sebanyak tujuh kali dan cetakan yang terakhir ialah pada tahun 2002. Sementara itu, cerita *Bawang dan Kesuna* yang disusun semula penceritaannya oleh Made Taro mengikut versi Bali akan digunakan sebagai bahan kajian bandingan untuk dianalisis mewakili teks dari Indonesia. Dongeng ini dikatakan berasal dari desa Sengkidu, Kabupaten Karangasem, 65 kilometer di sebelah Timur Denpasar, ibu kota Bali.

PENDEKATAN STRUKTURALISME

Pendekatan strukturalisme digunakan sebagai kerangka dalam menganalisis kajian ini. Pendekatan ini merupakan antara pendekatan sastra yang dapat diterapkan dalam kajian karya berbentuk kreatif imajinatif sama ada karya sastra tradisional mahupun moden. Strukturalisme mempunyai tempat yang istimewa dalam kajian sastra dan banyak digunakan dalam konteks sastra Malaysia. Pada dasarnya, penelitian strukturalisme merupakan penelitian yang membahaskan tentang unsur-unsur karya sastra dalam usaha menemukan makna utuh karya bersangkutan. Penelitian strukturalisme yang dimaksudkan ialah penelitian terhadap tema, watak dan perwatakan, plot, latar, gaya bahasa dan sudut pandangan. Dalam hal ini, A. Teeuw (1984) berpendapat bahawa analisis strukturalisme bertujuan untuk membongkar dan memaparkan secara cermat keterkaitan dan keterjalinan semua unsur dan aspek karya sastra yang bersama-sama menghasilkan makna menyeluruh. Teks sastra yang paling banyak mendapat perhatian untuk dilakukan analisis strukturalisme ialah teks yang berbentuk naratif khususnya epik, novel, cerpen, cerita rakyat dan mitos. Teks-teks ini dianggap sebagai tidak lain daripada pemakaian bahasa atau linguistik. Dalam penganalisisannya, apa yang diambil daripada teks ialah bahan yang terbina oleh bahasa termasuklah tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot serta latar peristiwa.

Lanjutan itu, tema ialah persoalan pokok atau gagasan cerita yang menjadi pemikiran pengarang dan di dalamnya mengandungi pandangan hidup dan cita-cita pengarang. Dalam erti kata lain, tema ialah idea pusat yang diekspresikan secara tidak langsung dan akan diperoleh setelah pembaca selesai membaca dan memahami seluruh karya sastra itu. Apa yang menjadi pusat pemikiran dan perbincangan pengarang itulah lazimnya yang dikatakan tema. Sementara persoalan pula ialah perkara-perkara kecil dalam sesebuah karya yang ada hubungannya dengan tema. Persoalan ini wujud untuk memperkukuh dan menghidupkan tema dalam sesebuah karya. Oleh yang demikian, tema dan persoalan memerlukan tafsiran dan melibatkan komen, pemerhatian dan telahan pembaca terhadap subjek yang diperkatakan dalam karya sastra itu (*Kamus Kesusasteraan*, 2015).

Dalam pada itu, watak hadir dalam cerita sebagai pelaku yang memiliki sifat-sifat tertentu termasuklah perangai dan pemikiran yang dapat dikesan melalui aksi dan dialog. Peranan watak sangat penting dalam menggerakkan sesebuah naratif sama ada naratif itu akan hidup atau kaku. Menurut Kamaruddin Hj. Husin (1988), watak ialah orang iaitu manusia atau bukan manusia (dengan sifat-sifat manusia) yang mengambil bahagian dalam sesebuah cereka. Selalunya watak-watak ini diberi fungsi untuk mendukung idea pokok dan mengembangkan idea berkenaan hingga berjaya mencapai matlamatnya. Arnold Bennet pula menjelaskan, *the foundation of good fiction is character creating and nothing else* (Hashim Awang, 1984). Perlakuan dan nilai moral watak yang dapat dilihat melalui aksi dan dialog secara tidak langsung turut membentuk sebahagian daripada motivasi watak. Sementara itu, perwatakan pula merupakan cara bagaimana pengarang mencipta dan menyusun serta memperlakukan apa sahaja ke atas watak-watak ciptaannya. Perwatakan merupakan penggerak yang melancarkan cerita dalam cereka tersebut. Justeru, penampilan watak dan perwatakan memainkan peranan penting dalam sesebuah naratif yang merupakan ikon dan sering kali menjadi ikutan dan perhatian khalayak.

Di samping itu, penyusunan cerita yang terdiri daripada peristiwa demi peristiwa yang dihubungkan dengan sebab bersebab dinamakan plot. Dalam erti kata lain, pengertian umum plot ialah jalan cerita. Suharianto (1982) menyatakan bahawa alur atau plot adalah cara pengarang menjalinkan kejadian-kejadian secara beruntun dengan memperhatikan hukum sebab akibat sehingga merupakan satu kesatuan yang padu, bulat dan utuh. Tegasnya plot biasanya akan menjelaskan bagaimana cara sesebuah naratif itu dihuraikan, mengemukakan apa yang terjadi dan mengapa kejadian itu berlaku. Menurut Mana Sikana (1985), terdapat lima tahap perkembangan plot iaitu (i) peringkat permulaan, (ii) peringkat penimbulan cerita dengan mengutarakan krisis, (iii) peringkat konflik atau pertentangan yang juga disebut kemuncak atau

klimaks cerita yang memunculkan ketegangan, kerumitan dan kegawatan, (iv) peringkat penurunan cerita atau antiklimaks dan (v) peringkat penyelesaian/peleraian. Dalam mengembangkan perjalanan cerita supaya menjadi lebih menarik dan menambat hati pembaca, terdapat pelbagai teknik yang digunakan oleh pengarang untuk memastikan karya tersebut menjadi menarik, tidak hambar dan digemari khalayak pembaca atau pendengar.

Selanjutnya, latar dalam analisa kesusasteraan yang turut menjadi aspek penting dalam penelitian analisis strukturalisme ialah perihal tempat dan masa yang tercakup dalam karya. Latar dapat menjelaskan sesuatu peristiwa itu berlaku dan waktu kejadiannya yang sekali gus dapat membantu pemahaman pembaca tentang latar belakang perkembangan naratif. Dalam menganalisis unsur latar, terdapat tiga aspek yang sering diberi perhatian iaitu aspek latar tempat, latar masa dan latar masyarakat (sosial). Latar tempat menunjukkan lokasi sesuatu peristiwa dalam naratif itu berlaku sama ada di alam realiti seperti di bandar, desa, kampung dan sungai mahupun di alam bukan realiti seperti alam ghaib, alam roh dan alam misteri yang bersifat absurd dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar.

Seterusnya, latar masa pula menurut Mieke Bal (1985) memainkan peranan penting dalam proses penciptaan sesebuah naratif yang berkualiti. Hal ini kerana dalam penghasilan naratif yang bermutu, latar masa tersebut dapat menjelaskan sesuatu peristiwa itu berlaku sama ada pada siang, malam, tengah malam, subuh atau dinihari yang secara tidak langsung turut menentukan suasana hidup watak-watak dalam naratif yang dicipta. Tambah Mieke Bal, fungsi masa juga akan menentukan sesuatu naratif itu akan bergerak mengikut jalur kronologi atau sebaliknya menurut kebiasaan sesebuah naratif (Mana Sikana, 2008). Dalam pada itu, latar yang tidak kurang pentingnya ialah latar masyarakat atau sosial. Latar sosial ialah lingkungan hidup dan sistem kehidupan yang ada di tengah-tengah para tokoh dalam sesebuah cerita. Pada umumnya latar masyarakat atau sosial mempunyai hubungan yang erat dengan latar tempat dan latar masa yang terdapat dalam sesuatu peristiwa. Justeru, jelaslah bahawa penelitian terhadap karya sastera dengan menggunakan kerangka teori ini dapat meneliti aspek dalaman teks dengan lebih terperinci.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penelitian terhadap analisis bandingan yang digunakan untuk membandingkan cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* dengan *Bawang dan Kesuna* dalam makalah ini adalah menggunakan analisis perbandingan struktural. Dalam konteks ini, aspek-aspek intrinsik yang diteliti termasuklah tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot dan latar seperti penjelasan yang berikut:

Ringkasan Cerita

Cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* versi Malaysia yang disusun semula penceritaannya oleh Rubaidin Siwar mengisahkan Pak Ali yang mempunyai dua orang isteri, iaitu Mak Labu dan Mak Kunder. Hasil perkahwinannya yang pertama, mereka dikurniakan seorang anak perempuan bernama Bawang Merah. Isteri keduanya, Mak Kunder turut melahirkan seorang anak perempuan bernama Bawang Putih. Selepas kematian Pak Ali, hidup Mak Labu dan Bawang Merah semakin terseksa apabila mereka terpaksa melakukan pelbagai kerja tanpa dibantu oleh Mak Kunder dan Bawang Putih yang sangat pemalas.

Tambah menyedihkan, Mak Kunder tergamak membunuh Mak Labu ketika dia sedang mandi di perigi. Hidup Bawang Merah semakin tertekan dengan sikap ibu dan adik tirinya yang sentiasa bertindak kejam terhadap dirinya. Kelembutan, kecantikan dan kemerduan suara Bawang Merah telah berjaya menambat hati seorang putera raja negeri itu. Putera raja telah melamar Bawang Merah dan mereka berkahwin serta hidup bahagia. Mak Kunder dan Bawang Putih semakin

cemburu dengan kebahagiaan dan kesenangan Bawang Merah. Dalam diam mereka berhasrat untuk menghancurkan perkahwinan antara Bawang Merah dan Putera Raja. Mereka telah menyuruh Bawang Merah melakukan pelbagai muslihat, kononnya untuk menguji kasih sayang putera raja itu terhadapnya. Akhirnya kejahatan Mak Kundur dan Bawang Putih terbongkar dan mereka telah dijatuhkan hukuman buang daerah.

Dalam versi di Bali Indonesia pula, cerita *Bawang dan Kesuna* mengisahkan kehidupan dua orang bersaudara, iaitu Bawang dan Kesuna yang tinggal bersama orang tuanya. Dalam kisah ini, Bawang Merah ialah Bawang dan Bawang Putih adalah Kesuna. Kedua-dua saudara kandung ini mempunyai perwatakan yang jauh berbeza. Bawang adalah seorang yang pemalas, tidak suka bekerja keras, iri hati, bermuka-muka dan suka memfitnah. Kesuna pula seorang yang pendiam, jujur dan rajin bekerja. Sikap bermuka-muka Bawang menyebabkan segala yang dikatakannya selalu dipercayai oleh orang tuanya.

Pada suatu hari, Kesuna telah dipukul dan diusir oleh ibunya keluar dari rumah kerana fitnah yang telah dilemparkan oleh Bawang. Dia telah membawa diri ke dalam hutan dan meminta Burung Cerucuk Kuning membunuhnya dengan mematuk ubun-ubun, leher, telinga, pergelangan tangan, pergelangan kaki dan jari-jemarinya agar dia cepat mati. Namun sebaliknya, tubuh Kesuna dipenuhi dengan emas permata setelah burung tersebut membuat apa yang disuruh oleh Kesuna. Sikap iri hati dan tamak Bawang telah menyebabkan dia juga melakukan perkara yang sama dengan apa yang dibuat oleh Kesuna. Sayangnya, tindakannya itu telah menyebabkan dirinya luka parah dan dia mati di tempat itu juga.

Berdasarkan sinopsis kedua-dua cerita ini, terdapat perbezaan yang nyata antara jalan cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* versi Malaysia dengan jalan cerita *Bawang dan Kesuna* versi Indonesia. *Bawang Putih dan Bawang Merah* versi Malaysia mengisahkan tentang penderitaan seorang gadis yatim piatu yang didera dan dizalimi oleh ibu dan adik tirinya, manakala cerita *Bawang dan Kesuna* versi Indonesia mengisahkan penderitaan seorang gadis bernama Kesuna yang dianiaya oleh saudara kandungnya dan dirinya yang sering dianaktirikan oleh ibu bapanya sendiri. Meskipun terdapat perbezaan dari segi jalan cerita, namun kedua-dua versi ini mempunyai pengakhiran yang sama, iaitu cerita berakhir dengan *happy ending* dan memberi kebahagiaan kepada insan yang teraniaya.

Tema dan Persoalan

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, tema merupakan persoalan utama yang diungkapkan dalam sesebuah karya, sama ada secara langsung (eksplisit) atau tidak langsung (implisit). Manakala persoalan pula bermaksud perkara-perkara sampingan atau isi yang lebih kecil, yang ada hubungannya dengan tema sesuatu karya. Berdasarkan penelitian, kedua-dua versi cerita rakyat ini mempunyai tema yang sama, iaitu menceritakan kehidupan seorang gadis yang dianiaya oleh keluarganya sendiri. Manakala antara persoalan yang ditonjolkan dalam kedua-dua cerita ini ialah sikap ibu bapa yang sering membeza-bezakan kasih sayang terhadap anak-anak mereka. Dalam cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah*, sikap Mak Kundur yang suka membeza-bezakan kasih sayang antara Bawang Putih dan Bawang Merah dapat dilihat dengan jelas melalui tindakannya yang sering memukul dan mendera Bawang Merah apabila segala kehendak dan kemahuannya tidak dituruti.

Sambil bercekak pinggang dan menjegilkan mata, Mak Bawang Putih pun berteriak: "Bawang Merah, kamu tak siapkan sarapankah?"

Bawang Merah hanya mendiamkan diri. Apa lagi, bertambah-tambah beranglah Mak Bawang Putih apabila pertanyaannya tidak dijawab!

....

Apa lagi, dia pun mengambil setual kayu api lalu memukulkannya ke kepala Bawang Merah. Pukulan yang kuat itu menyebabkan Bawang Merah rebah di atas lantai tidak sedarkan diri.

(*Bawang Putih dan Bawang Merah*, 2002: 67-68)

Meskipun Bawang Merah hanyalah anak tiri Mak Kundur, sepatutnya Mak Kundur memberikan kasih sayang yang sama rata sebagaimana dia mencurahkan kasih sayangnya kepada Bawang Putih, apatah lagi Bawang Merah merupakan anak yatim piatu. Persoalan sikap ibu bapa yang sering membeza-bezakan kasih sayang terhadap anak-anak mereka juga dapat dilihat dalam cerita *Bawang dan Kesuna*. Dalam cerita ini, tindakan ibu bapa Bawang dan Kesuna yang pilih kasih dan hanya mendengar cerita daripada sebelah pihak sahaja, memperlihatkan ketidakadilan mereka dalam menghukum seseorang tanpa usul periksa. Tindakan ibunya memukul dan mengusir Kesuna keluar dari rumah setelah mendengar aduan daripada Bawang menunjukkan sikap pilih kasih ibunya dalam memberikan kasih sayang terhadap anak-anak.

Ketika ibunya datang Bawang segera ke dapur. Sekujur tubuhnya dilumuri abu dapur. Bawang pura-pura sibuk menjerang air dan memasukkan kayu api ke dalam tungku. Lalu ia melaporkan kelakuan Kesuna. Katanya, Kesuna hanya bersenang-senang dan tidak mahu bekerja. Bawang mengaku ia sendirilah yang mengerjakan semua itu. Mendengar laporan Bawang, ibunya seketika menjadi murka dan ketika Kesuna kembali dari sungai, ibunya mengambil sapu lidi lalu memukuli Kesuna berkali-kali. Badan Kesuna babak belur. Ia mengaduh kesakitan, tetapi ibunya terus memukulinya. Dalam keadaan menangis ia diusir oleh ibunya.

(*Bawang dan Kesuna*, 1997: 5)

Sebagai ibu bapa yang menjadi pemimpin keluarga, mereka tidak sepatutnya bertindak melulu dalam menjatuhkan hukuman kepada anak-anak. Ibu Kesuna sepatutnya menyiasat dan mendengar cerita daripada kedua-dua belah pihak agar tidak ada insan yang teraniaya. Namun, tindakannya itu memperlihatkan sikap pilih kasihnya dalam memberikan kasih sayang terhadap anak-anak.

Ketidakjujuran manusia dalam pertuturan dan tingkah laku turut menjadi persoalan dalam kedua-dua cerita yang dikaji. Dalam cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* misalnya, ketidakjujuran dalam pertuturan dan tingkah laku dipaparkan dengan jelas melalui watak Mak Kundur dan Bawang Putih dalam peristiwa Datuk Hulubalang dan Datuk Panglima Kiri bertanyakan tentang anak Mak Kundur yang bergurindam sambil berbuai di pohon beringin. Mak Kundur telah berbohong dan mengatakan bahawa anaknya Bawang Putih yang dilihat oleh Datuk Hulubalang dan Datuk Panglima Kiri. Ketidakjujuran dalam tingkah laku juga diperlihatkan pada watak Bawang Putih yang hanya mengikut sahaja perintah ibunya walaupun dia tahu bahawa ibunya telah berbohong dengan Datuk Hulubalang dan Datuk Panglima Kiri.

"Ya... ya...!" katanya pula dengan penuh perasaan gembira.

Mak Bawang Putih pun membayangkan hadiah besar yang akan diterima daripada Raja; dan bertambah-tambah lagilah perasaan gembiranya apabila membayangkan bahawa Raja akan berkahwin dengan anaknya nanti. "Inilah anak hamba yang berbuai di pohon beringin itu semalam," katanya. "Namanya Bawang Putih. Dan hamba ini ibunya, digelar orang Mak Bawang Putih.

(*Bawang Putih dan Bawang Merah*, 2002: 99-100)

Sikap tidak jujur Mak Kundur dan Bawang Putih dalam pertuturan dan tingkah laku adalah disebabkan oleh kepentingan peribadi mereka untuk mendapat imbuhan atau ganjaran daripada raja apabila raja terpicat dengan Bawang Putih. Dalam cerita *Bawang dan Kesuna*, sikap ketidakjujuran manusia diperlihatkan dalam watak Bawang yang sentiasa bercakap bohong kepada ibu bapanya. Walaupun Bawang seorang yang pemalas dan tidak suka bekerja keras, namun sikapnya yang suka bermuka-muka dan berbohong telah menyebabkan dia sentiasa bernasib baik dan disayangi ibu bapanya. Hal ini terbukti melalui perlakuannya yang berpura-pura sibuk di dapur dan pembohongannya yang mengatakan bahawa Kesuna hanya bersenang-senang dan tidak mahu bekerja sepeninggalan ibunya ke pasar dan ayahnya ke sawah, telah menyebabkan Kesuna dipukul dan diusir dari rumah.

Di samping itu, persoalan setiap perbuatan jahat akan menerima hukuman dan balasan yang setimpal, turut terdapat dalam kedua-dua cerita. Dalam cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah*, perbuatan jahat dan zalim Mak Kundur dan Bawang Putih yang ingin memusnahkan kebahagiaan Bawang Merah, ternyata mendapat pembalasan yang setimpal dengan perbuatan mereka. Tindakan Mak Kundur yang mengambil kesempatan terhadap sikap 'lurus bendul' Bawang Merah dengan menyuruh Bawang Merah meletakkan miang rebung dan mengayunkan kapak kepada Raja, kononnya untuk membuktikan kasih sayang Raja terhadap Bawang Merah, akhirnya telah mendapat balasan yang setimpal. Raja telah murka dan menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Mak Kundur dan sebelum itu, dia akan dicabuk dengan ekor pari. Setelah dipujuk oleh Bawang Merah, akhirnya Raja bersetuju untuk meringankan hukuman terhadap Mak Kundur. Mak Kundur hanya dijatuhkan hukuman dicabuk dengan ekor pari dan dia serta Bawang Putih tidak dibenarkan tinggal di daerah itu lagi.

"Jangan dihukum patik kali ini, tuanku!" rayunya sambil menyembah kaki baginda.
"Tidak!" tengking baginda sambil menolak Mak Bawang Putih dengan kakinya.
"Kesalahan kamu amat berat, hingga nyaris-nyaris Permaisuri terhukum bunuh. Sekarang kamu akan dihukum bunuh, dan sebelum itu akan dicabuk dengan ekor pari! Pertanda, jalankan hukuman sekarang!"

(*Bawang Putih dan Bawang Merah*, 2002:131)

Dalam cerita *Bawang dan Kesuna* pula, sikap iri hati dan dengki Bawang terhadap kelebihan Kesuna akhirnya mendapat balasan yang setimpal apabila dia akhirnya mati dipatuk burung Cerucuk Kuning. Peristiwa ini berlaku apabila dia mengetahui rahsia perhiasan yang diperoleh oleh Kesuna adalah daripada keajaiban burung Cerucuk Kuning yang mematuk leher, kepala, telinga, pergelangan tangan, pergelangan kaki dan jari-jemari Kesuna. Disebabkan tamak dan iri hati, Bawang melakukan perbuatan yang sama dengan Kesuna, tetapi bukan emas berlian yang Bawang peroleh, sebaliknya tubuh Bawang luka parah dan akhirnya dia mati di situ juga.

Lama kelamaan Bawang dan orang tuanya tahu rahasia perhiasan yang diperoleh Kesuna. Bawang juga ingin bertemu dengan burung Cerucuk. Kemudian Bawang pura-pura dimarahi ibunya dan dipukuli dengan sapu lidi. Bawang pura-pura menangis lalu pergi ke dalam hutan. Setelah berjumpa dengan Cerucuk Kuning, lalu ia menyuruh burung itu mematuk-matuk sekujur tubuhnya.

...

Cerucuk terbang merendah lalu mematuk-matuk ubun-ubun, telinga, leher, pergelangan tangan, pergelangan kaki dan jari-jemarinya. Bukan emas berlian yang tumbuh, melainkan luka parah yang bermunculan di sekujur tubuhnya. Makin lama luka itu bertambah parah, dan Bawang pun mati di tempat itu juga.

(*Bawang dan Kesuna*, 1997: 25)

Watak Dan Perwatakan

Dalam sesebuah cerita, watak memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan jalan cerita. Watak diberikan sifat-sifat tertentu termasuk perangai dan pemikiran yang dikenal melalui percakapannya. Dalam kedua-dua cerita, watak utama dimainkan oleh wanita. Watak ini yang telah menggerakkan cerita dari permulaan sehinggalah ke akhir kisah. Watak lelaki merupakan watak kedua atau sampingan yang menyempurnakan peristiwa. Ia muncul dan lenyap dalam perkembangan peristiwa. Cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* mempunyai tiga watak utama yang menyumbang kepada perkembangan peristiwa. Bawang Merah merupakan watak utama sebagai protagonis yang mendominasi cerita dari awal sehinggalah tamat. Watak sampingan yang lain ialah Mak Kundur dan Bawang Putih sebagai antagonis yang turut memainkan peranan dalam perkembangan cerita. Selain itu, terdapat juga watak sampingan lain yang mewarnai perjalanan plot iaitu watak Pak Ali, Mak Labu, Raja, Datuk Hulubalang dan Datuk Panglima Kiri.

Daripada segi perwatakan, Bawang Merah digambarkan sebagai seorang gadis yang baik, lemah lembut, berbudi bahasa dan rajin membantu ibu bapanya melakukan kerja-kerja di rumah dan di ladang. Dia juga mempunyai rupa paras yang menawan dan suara yang merdu apabila bergurindam. Sikapnya yang penyabar dan tidak pernah melawan telah menyebabkan dia selalu ditindas dan didera oleh ibu dan adik tirinya. Sebagai seorang gadis yang baik, Bawang Merah sering dibantu oleh watak-watak sampingan lain, iaitu ikan Kalo dan semut yang sentiasa bersama membantu meringankan beban Bawang Merah ketika Bawang Merah dalam kesusahan dan kesedihan. Watak Mak Kundur dan Bawang Putih pula digambarkan sebagai kejam, pemalas, cemburu dan tidak suka melihat kebahagiaan Bawang Merah. Lantaran itu, dia sentiasa merancang sesuatu yang jahat untuk menghancurkan kebahagiaan Bawang Merah.

Dalam cerita *Bawang dan Kesuna* pula, terdapat lima watak yang memainkan peranan penting dalam mengembangkan perjalanan cerita. Watak-watak tersebut ialah Kesuna, Bawang, ibu, bapa dan nenek mereka. Kesuna merupakan watak utama yang mendominasi cerita. Dia digambarkan sebagai seorang yang pendiam, jujur dan rajin bekerja. Sebagaimana watak Bawang Merah, Kesuna juga dibantu oleh watak sampingan lain yang sedia membantunya di kala kesedihan, iaitu Burung Cerukcuk Kuning yang telah membalas kejujurannya dengan menyaluti tubuh Kesuna dengan emas permata. Watak antagonis dalam cerita ini ialah Bawang yang digambarkan sebagai seorang gadis yang pemalas dan tidak suka bekerja keras. Dia juga seorang yang iri hati, bermuka-muka dan suka membuat fitnah terhadap Kesuna.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa kedua-dua cerita menampilkan wanita sebagai watak utama dalam menggerakkan perjalanan cerita sehingga penamat. Apa yang membezakan kedua-dua cerita ini adalah daripada segi watak utama, iaitu watak protagonis. Dalam cerita versi Malaysia, watak protagonisnya ialah Bawang Merah tetapi dalam cerita versi Indonesia, watak protagonisnya ialah Kesuna, iaitu Bawang Putih.

Plot

Kamus Kesusasteraan (2015) mentakrifkan plot sebagai sesuatu yang menghubungkan antara peristiwa-peristiwa dalam sebuah cereka yang rapat pertaliannya dengan gerak laku lahiriah dan batiniah watak-watak dalam cerita. Setiap peristiwa dan gerak laku itu dari awal hingga akhir adalah didasarkan kepada hukum sebab akibat. Plot mengemukakan perkara yang terjadi dan sebab perkara itu terjadi. Dalam cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah*, plot bermula dengan pengenalan iaitu mengisahkan tentang keluarga Pak Ali yang mempunyai dua orang isteri dan akhirnya dia memperoleh dua orang anak, iaitu Bawang Merah dan Bawang Putih. Plot cerita berkembang dengan krisis yang berlaku antara Mak Kundur dengan Mak Labu sehingga Mak Labu dibunuh oleh Mak Kundur dengan cara memukul dan menolak Mak Labu ke dalam perigi.

Plot terus berkembang ke tahap perumitan apabila Datuk Hulubalang dan Datuk Panglima Kiri kagum mendengar kemerduan suara Bawang Merah. Apabila kedua-dua menteri itu datang mencari Bawang Merah untuk memperdengarkan suaranya kepada Raja, Mak Kundur telah memperkenalkan anaknya, Bawang Putih kepada Raja. Akhirnya Raja mengetahui perkara yang sebenar dan melamar Bawang Merah menjadi permaisurinya. Klimaks cerita dapat dilihat apabila tindakan Bawang Merah meletakkan kapak di pintu masuk bilik peraduan Raja dan telah terkena muka baginda, menimbulkan kemurkaan Raja dan Bawang Merah telah dijatuhkan hukuman bunuh. Plot menuju ke tahap peleraian apabila Mak Kundur dan Bawang Putih diusir dari istana dan dibuang daerah setelah Raja mengetahui perkara sebenar. Mak Kundur dan Bawang Putih yang merancang semua kejahatan yang dilakukan oleh Bawang Merah akibat dendam dan sakit hati melihat kebahagiaan Bawang Merah.

Dalam cerita *Bawang dan Kesuna*, plot ceritanya bermula dengan pengisahan kehidupan dua bersaudara, iaitu Bawang dan Kesuna di sebuah desa bersama ibu bapanya. Diceritakan sikap kedua-dua saudara ini yang berbeza antara satu sama lain. Plot cerita berkembang dengan perkembangan sikap Bawang yang suka mencuri tulang dalam melakukan kerja-kerja rumah apatah lagi apabila ibu bapanya tiada di rumah. Akhirnya, semua kerja dilakukan oleh Kesuna.

Plot cerita menuju perumitan apabila Bawang telah bermuka-muka dan mengadu kepada ibu bapanya yang Kesuna hanya bersenang-senang dan tidak mahu bekerja sepanjang ketiadaan ibu bapanya di rumah. Akibatnya, Kesuna telah dipukul dan diusir oleh ibunya keluar dari rumah. Klimaks cerita ialah apabila Kesuna telah sampai ke tengah hutan dan meminta Burung Cerucuk Kuning untuk mematuknya agar dia mati. Namun sebaliknya, tubuh Kesuna dipenuhi dengan emas permata setelah burung tersebut membuat apa yang disuruh oleh Kesuna.

Peleraian plot bermula apabila Bawang telah mengetahui rahsia Kesuna mendapat emas berlian. Dia berpura-pura dimarahi ibunya dan meminta Burung Cerucuk Kuning mematuknya tetapi bukan emas berlian yang dia dapat, sebaliknya tubuhnya luka parah dan akhirnya dia mati di situ juga. Justeru, jelaslah bahawa kedua-dua cerita mempunyai kronologi peristiwa yang sama iaitu disusun mengikut urutan waktu.

Latar

Dalam sebuah cerita, latar memainkan peranan yang penting dalam memberikan suasana kepada peristiwa dan manusia yang terdapat dalam cerita. Latar merangkumi pelukisan geografi, topografi, pemandangan, bangunan, peralatan, tanggungjawab watak, waktu dan sebagainya. Lazimnya latar terbahagi kepada tiga, iaitu latar tempat, latar masa atau waktu dan latar masyarakat.

Cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* berlatarkan tempat di pinggir hutan, iaitu tempat Pak Ali dan kedua-dua isterinya tinggal bersama anak-anak mereka, Bawang Merah dan Bawang Putih. Di situ juga Pak Ali membuka ladang dan bercucuk tanam. Diceritakan juga tempat-tempat berhampiran dengan pinggir hutan tersebut yang mencatatkan peristiwa tertentu dalam cerita ini, antaranya di lubuk sembilang iaitu tempat Pak Ali dan Bawang Merah mengail ikan sembilang, di perigi iaitu tempat Mak Kundur memukul dan menolak Mak Labu dan di pohon Beringin, iaitu tempat Bawang Merah bermain buaian dan menghiburkan hatinya dengan menyanyi dan bergurindam. Dalam cerita ini juga, terdapat juga latar tempat di istana, iaitu setelah Bawang Merah berkahwin dan menjadi permaisuri Raja.

Dalam cerita *Bawang dan Kesuna*, latar tempat adalah di sebuah desa yang tidak dinyatakan namanya. Namun, memandangkan ia merupakan cerita yang berasal dari desa Sengkidu, Karangasem, di ibu kota Bali (berdasarkan maklumat dalam pengenalan buku cerita ini), berkemungkinan cerita ini berlatar tempat di salah sebuah desa di daerah Bali. Di desa tersebutlah kedua-dua saudara, iaitu Bawang dan Kesuna tinggal bersama ibu bapanya. Selain di

desa, latar tempat cerita ini ialah di dalam hutan, iaitu ketika Kesuna diusir dari rumah oleh ibunya. Dia telah menuju ke hutan dan di sana dia bertemu dengan Burung Cerucuk Kuning yang telah memenuhi tubuhnya dengan emas berlian.

Di samping itu dari segi latar masa pula, dalam cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* tidak dinyatakan dengan jelas latar masanya. Namun, beberapa peristiwa telah berlaku pada waktu siang antaranya ialah ketika Bawang Merah dan Mak Labu pergi ke ladang dan juga semasa Bawang Merah menghiburkan hatinya dengan berbuai sambil bergurindam di bawah pohon Beringin. Suasana pada waktu petang turut digambarkan dalam cerita ini, iaitu waktu kebiasaan Mak Bawang Merah ke perigi di belakang rumah untuk mandi. Latar masa pada waktu malam juga diceritakan dalam cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah*, iaitu ketika Mak Labu keseorangan ditinggalkan oleh Pak Ali ke kampung sebelah kerana mencari isteri untuk dijadikan madu kepada Mak Labu.

Dalam cerita *Bawang dan Kesuna* pula, latar masa ialah pada waktu pagi iaitu ketika Bawang dan Kesuna ditinggalkan oleh ibu yang pergi ke pasar dan bapanya yang pergi ke sawah. Latar masa pada waktu malam pula ialah ketika Kesuna pulang ke rumahnya semula setelah mendapat emas permata daripada Burung Cerucuk Kuning. Sayangnya apabila mendengar suara Kesuna, bapanya terus marah dan menghalaunya pergi. Kesuna berasa sedih dan terus pergi ke rumah neneknya dan tinggal di situ.

Selain itu, daripada aspek latar masyarakat, cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* menggambarkan kehidupan masyarakat feodal yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Dalam konteks ini, keluarga Pak Ali mewakili golongan yang diperintah, iaitu rakyat biasa yang bekerja sebagai petani, manakala Raja dan para pembesar seperti Datuk Hulubalang dan Datuk Panglima Kiri mewakili golongan pemerintah yang berkuasa dalam daerah tersebut. Terdapat juga masyarakat istana seperti raja dan dayang-dayang yang tinggal di istana.

Berbanding dengan cerita *Bawang dan Kesuna*, latar masyarakatnya hanyalah melibatkan masyarakat desa yang bekerja sebagai petani dan tidak melibatkan golongan istana. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa daripada segi latar tempat dan latar masyarakat terdapat perbezaan yang jelas antara kedua-dua cerita. Dalam cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah*, latar tempat dan latar masyarakatnya melibatkan golongan istana dan pengamalan sistem feodal, tetapi dalam cerita *Bawang dan Kesuna*, latar tempat dan latar masyarakatnya berkisar kehidupan masyarakat desa dan tidak melibatkan golongan istana. Bagi latar masa, kedua-dua cerita tidak memperincikan dengan jelas masa berlakunya sesuatu peristiwa, sebaliknya kedua-dua cerita hanya menyatakan masa secara umum, iaitu pada waktu pagi, petang dan malam.

KESIMPULAN

Perbandingan antara Cerita *Bawang Putih dan Bawang Merah* yang diceritakan semula oleh Rubaidin Siwar dan cerita *Bawang dan Kesuna* yang disusun penceritaannya oleh Made Taro memperlihatkan terdapat persamaan yang jelas dari segi tema, persoalan, plot dan latar masa. Sungguh demikian, terdapat juga aspek lain yang mempunyai perbezaan yang ketara, misalnya dari segi watak dan perwatakan, latar tempat dan latar masyarakat. Sebagaimana yang telah dinyatakan pada awal penulisan makalah ini, cerita Bawang Putih dan Bawang Merah merupakan sastera rakyat yang disampaikan dari generasi ke generasi dan disesuaikan mengikut suasana sesuatu tempat. Justeru, tidak hairanlah terdapat beberapa persamaan dan perbezaan antara kedua-dua versi yang terdapat di Malaysia dan Indonesia. Walaupun secara intrinsiknya terdapat persamaan dan perbezaan dalam kedua-dua cerita, apa yang nyata kedua-dua cerita ini merupakan cerminan kehidupan masyarakat dan mengandungi pelbagai unsur didaktik dan pengajaran kepada masyarakat yang boleh dijadikan iktibar.

RUJUKAN

- Haji Othman bin Daya. 1990. *Tradisi Lisan Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.
- Harun Jaafar. 2004. *Ikhtisar Kebudayaan dan Prosa Melayu Klasik*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hashim Awang. 1984. *Kesusasteraan Melayu dalam Kritikan dan Sejarah*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamaruddin Hj. Husin. 1988. *Kaedah Pengajaran Kesusasteraan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamus Kesusasteraan*, 2015. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Made Taro. 1997. *Bawang dan Kesuna*. Jakarta: PT Balai Pustaka.
- Mana Sikana. 2008. *Teori dan Kritikan Sastera Malaysia*. Singapura: Pustaka Karya.
- Mieke Bal's. 1985. *Narratology: Introduction to The Theory of Narrative*. Kanada: Universiti of Toronto Press.
- Mohamad Shaidan & Nurul Hidayah Yusof. 2019. *Mak Jerebek: Kajian Strukturalisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Pauzi Mahmad. 1998. *Warna Sari Sastera Melayu Tradisional*. Seri Kembangan: Eastview Publication Sdn. Bhd.
- Muhammad Haji Salleh. 2000. *Puitika Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Irfan Waquiuddin Hasanudin, Mohd. Affiq affandy Azlizan dan Muhd, Norizam Jamian. 2021. Cerita Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia dan Indonesia: Perbandingan Latar Budaya. *Jurnal Wacana Sarjana*. Vol.5 (3): 1-21.
- Murti Bunanta. 1998. *Problematika Penulisan Cerita Rakyat: Untuk Anak di Indonesia*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Noviana Laily, N. 2015. Perbandingan Perwatakan dan Nilai-nilai Moral dalam Dongeng Frau Holle dan Bawang Merah Bawang Putih: Kajian Sastera Bandingan. Tesis Sarjana. Fakulti Bahasa dan Seni, Universitas Negeri Yogyakarta.
- Rubaidin Siwar. 2002. *Bawang Putih dan Bawang Merah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safian Hussain *et al* (peny.). 1988. *Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suharianto. 1982. *Dasar-dasar Teori Sastera*. Surakarta: Widya Duta.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali, Hashim Awang, Madiawati Mamat @ Mustaffa & Nur Hamizah Hashim. 2014. From Text to Animation of Bawang Putih Bawang Merah. *Malay Literature* 27 (2): 311-322.
- Teeuw, A. 1984. *Sastra dan Ilmu Sastra: Pengantar Teori Sastra*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Umar Junus, 2010. *Gaya Bahasa Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.